

Kedudukan Hutang Si Mati dalam Pelaksanaan Hak-hak Harta Peninggalan menurut Syariah Islam

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 23-35
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 22 December 2021
Accepted: 2 January 2022
Published: 30 January 2022

[The Position of The Dead's Debt as The Islamic Rights of Inheritance According to Shariah Law]

Mohd Ali Mohd Yusuf¹ & Basri Ibrahim¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. *e-mel: abuhannan@unisza.edu.my; basri@unisza.edu.my

* Corresponding Author: abuhannan@unisza.edu.my

Abstrak

Hutang adalah salah satu instrumen muamalah yang telah diamalkan oleh manusia sejak dahulukala. Pada masa kini, manusia sangat sukar mengelak diri daripada berhutang. Ini berikutan terdapat keperluan yang berbagai seiring dengan kehidupan di zaman moden, di samping kemudahan pinjaman yang ditawarkan oleh pelbagai pihak. Isu yang berbangkit ialah apabila hutang tidak sempat dibayar setelah berlaku kematian. Kajian ini bertujuan untuk melihat kedudukan hutang sebagai salah satu hak daripada hak-hak harta peninggalan dan bagaimana hak liabiliti ini diuruskan semasa proses pembahagian harta pusaka kecil di Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian di Kuala Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang dilaksanakan melalui proses temubual, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen berkaitan hukum-hukum mengenai hak perhutangan di dalam hak-hak harta peninggalan dan akta-akta yang diguna pakai di dalam menyelesaikan isu ini. Hasil kajian merumuskan bahawa hutang adalah hak si mati yang wajib diuruskan oleh waris selepas berlaku kematian. Akta 98 jelas memperuntukkan agar hutang si mati dilunaskan sewaktu proses perbicaraan. Walau bagaimanapun penambahbaikan masih boleh dibuat dari sudut penguatkuasaan pengisytiharan hutang oleh para waris. Pengurusan hutang ini amat perlu didedahkan kepada masyarakat Islam agar kedudukan dan peranannya dapat difahami dengan lebih mendalam, terutama ketika menguruskan pembahagian pusaka agar lebih teratur dan efisien bagi mengelak penangguhan pembahagian pusaka si mati.

Kata kunci: hutang, harta peninggalan, pusaka kecil, Unit Pembahagian Pusaka Kecil.

Abstract

Debt is one of the transactional tools practiced by people since ancient times. Nowadays, it is very difficult for people to avoid getting into debt. This is due to the various needs that life brings in today's world, as well as the loans offered by various parties. The problem arises when the debts are not paid after death. The purpose of this study is to examine the position of debts as one of the rights of bequest according to Islamic law and how these liability rights are handled during the process of division of small estates in the Small Estate Division Unit, Department of Director General of Lands and Mines in Kuala Terengganu. This study uses a qualitative research method implemented through a process of interviews, participant observation, and analysis of documents related to the law of indebtedness in inheritance property rights and the acts applied in resolving this issue. The results of the study concluded that debt is the right of the deceased, which must be managed by the heirs after death. Malaysian Law Small Estates (Distribution) Act 1955 provides that the debts of the deceased are settled during the inheritance proceedings. However, there is room for improvement in the enforcement of debt declarations by heirs. The Muslim community needs to be educated about debt management so that its position and role are better understood, especially when it comes to making

the distribution of the inheritance more orderly and efficient to avoid delays in the distribution of the deceased's estate.

Keywords: debt, estate, small estate, Small Estate Division Unit (JKPTG) Malaysia

Cite This Article:

Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri Ibrahim. 2022. Kedudukan hutang si mati dalam pelaksanaan hak-hak harta peninggalan menurut syariat Islam [The position of the dead's debt as the Islamic rights of inheritance according to shariah law]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 23-35.

Pengenalan

Manusia telah berurusan dengan hutang sejak zaman dahulukala, malah sistem ini dikatakan wujud seiring dengan sistem barter yang merupakan antara sistem terawal perniagaan bagi manusia (David Greaber, 2011). al-Quran yang menjadi rujukan utama dan paling berautoriti bagi umat Islam turut menyentuh tentang hutang umat terdahulu melalui kisah nabi Musa a.s yang berhutang mas kahwin dengan ayah mertuanya selama lapan tahun, dan dibayar melalui kerja dalam tempoh tersebut sebagaimana firman Allah S.W.T.:

قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمَنِي حَجَجٍ ۖ فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ ۖ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ ۚ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ قَالَ ذَلِكَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ ۖ أَيَّمَا الْأَجَلَيْنِ قَضَيْتُ فَلَا عُدُونَ عَلَيَّ ۖ وَاللَّهُ عَلَيَّ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ

Maksudnya: Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku Insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya. Musa menjawab: Perjanjian itu adalah antaraku denganmu (tetap dihormati bersama); yang mana sahaja dari dua tempoh itu yang aku tunaikan, maka janganlah hendaknya aku disalahkan dan Allah jualah menjadi Pengawas terhadap apa yang kita katakan itu (al-Qasas 28: 27 – 28).

Oleh kerana hutang merupakan satu urusan yang tak dapat dielakkan dalam hubungan sesama manusia, justeru itu Islam memberi perhatian yang serius terhadap masalah hutang. Ini kerana syariat Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada umat manusia melalui baginda Rasulullah s.a.w. bertujuan untuk memenuhi keperluan manusia secara keseluruhannya sama ada dari aspek akidah, ibadat, muamalat, akhlak dan sebagainya.

Hutang bukanlah suatu isu dalam konteks muamalah seharian jika mampu dilunaskan seperti yang dijanjikan semasa hidup. Namun, sekiranya tidak dibayar sehingga penghutang meninggal dunia ia akan menimbulkan implikasi pengurusan terhadap harta peninggalan si mati. Oleh yang demikian, perkataan hutang di dalam al-Quran banyak disebut pada ayat-ayat

pusaka. Ia menggambarkan betapa pentingnya kedudukan hutang sebagai salah satu hak daripada hak-hak harta peninggalan si mati yang perlu dilaksanakan oleh waris sebelum membahagikan harta pusaka.

Pada masa kini, umat Islam di Malaysia berhadapan dengan masalah kelewatan pembahagian harta pusaka. Sebahagian daripada masalah ini disumbangkan oleh ketiadaan maklumat oleh pihak waris mengenai tanggungan si mati seperti hutang piutang dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah berbangkit kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi mewujudkan Pusat Daftar Setempat Harta dan Tanggungan si mati yang diterajui oleh Amanah Raya Berhad (ARB). Ia bertujuan untuk membolehkan pihak waris mengesan dan mengesahkan kedudukan harta dan hutang terkini si mati apabila berlaku kematian (Berita Harian, 2012).

Ianya satu usaha yang baik bagi membantu memudahkan para waris mengurus pembahagian pusaka si mati. Pada masa yang sama, usaha juga perlu dibuat untuk meneliti dan menilai kaedah pengurusan hutang si mati semasa perbincangan pembahagian pusaka yang dilaksanakan oleh institusi berkaitan seperti Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bagi pusaka kecil dan Mahkamah Tinggi bagi pusaka besar.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kedudukan hutang di dalam hak-hak harta peninggalan si mati seperti yang disebut di dalam surah an-Nisa' ayat 11 dan 12. Seterus meninjau kaedah pengurusan hutang si mati semasa perbincangan pembahagian pusaka kecil di UPPK JKPTG Kuala Terengganu. Penggalan khazanah dari al-Quran mampu memberi pendedahan dan panduan kepada masyarakat berhubung dengan kepentingan mengurus hutang sebelum dan selepas kematian. Manakala penelitian ke atas kaedah pengurusan hutang semasa perbincangan pembahagian pusaka bertujuan untuk menilai akta sedia ada dan penguatkuasaannya ke atas hutang si mati agar mampu membantu waris menguruskan hak-hak si mati dengan lebih cekap dan cepat.

Sorotan Literatur

Hutang bukanlah tajuk perbincangan yang asing kepada para sarjana di seluruh dunia, kerana ianya satu kaedah urusan yang tidak dapat dielakkan oleh manusia. Hutang bukan lagi bersifat khusus kepada golongan tertentu seperti orang kurang berada, malah orang berada juga turut berhutang berdasarkan kepada keperluan semasa seperti penggunaan kad kredit, pinjaman perniagaan, pinjaman kenderaan dan lain-lain. Perbezaannya hanya terletak kepada kemampuan individu tersebut membayar balik hutang pada masa yang ditetapkan. Di dalam syariat Islam, hutang atau *dayn* perlu dibayar balik walaupun selepas berlaku kematian (Muhammad Abu Zahrah, 1963). Tanggungan hutang ini dijadikan salah satu hak-hak harta peninggalan yang wajib diuruskan oleh para waris bagi pihak si mati.

Kupasan para ulama Islam mengenai hutang sebagai hak-hak harta peninggalan di peringkat awal, banyak ditemui pada kitab fekah di dalam bab faraid. Ianya dalam bentuk perbincangan ringkas kerana pada masa ini faraid sebahagian daripada ilmu fekah. Perkembangan peradaban Islam menyaksikan ilmu-ilmu Islam turut berkembang mengikut kerangka epistemologinya, maka lahirlah ilmu faraid sebagai satu disiplin ilmu yang

menyentuh tentang pembahagian harta pusaka orang Islam. Menurut Ibn Khaldun (t.th), di peringkat awal ulama yang paling banyak memberi sumbangan dalam penulisan ilmu faraid ialah daripada mazhab Maliki seperti Ibn. Thabit, al-Kadi Abi Qassim al-Khufi yang telah menulis kitab Mukhtasar, kemudian al-Ja^cadi, dan Ibn. An-Namr al-Tarablisi.

Sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan, perbincangan mengenai hak-hak harta peninggalan termasuk hak hutang si mati turut dibincangkan di dalam ilmu faraid melalui karya ulama kontemporari, antaranya seperti Sheikh Muhammad Abu Zahrah (1963) yang telah menjelaskan dengan terperinci tentang hak perhutangan individu sewaktu berada dalam keadaan nazak sehingga berlaku kematiannya melalui bukunya *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. Sheikh Muhammad Mustafa Shalabi (1967) turut menyebut mengenai hak perhutangan si mati yang menjadi kewajipan kepada waris untuk menguruskannya sebelum membahagikan harta pusaka di dalam buku beliau *Ahkam al-Mawarith bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Perkara ini turut disentuh dengan ringkas oleh al-Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni (1989) di dalam kitab *al-Mawarith fi al-Syariah al-Islamiyyah fi daw'i al-Kitab wa al-Sunnah*. Selain menyebut tanggungan hutang sesama manusia, beliau turut menyebut tentang perselisihan ulama mengenai hutang si mati dengan Allah S.W.T.

Selain daripada penulisan-penulisan di atas, hak perhutangan turut dibincangkan di dalam perbincangan mengenai wasiat. Ini kerana ayat-ayat al-Quran yang menyebut tentang wasiat di dalam surah an-Nisa' (4: 11,12 & 176) akan diikuti dengan lafaz tanggungan hutang iaitu seperti firman Allah S.W.T.: Maksudnya: Sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. (an-Nisa' 4:11)

Oleh kerana itu, hak perhutangan si mati turut dibincangkan bersama wasiat di dalam khazanah fiqh Islami. Para ulama Islam berusaha mengumpul perbincangan dan membuat kajian mengenai hukum wasiat dengan lengkap kerana keperluan umat Islam kepada instrumen wasiat pada masa kini. Ini menyebabkan hak hutang turut dibahaskan secara tidak langsung di dalam penulisan tersebut. Antaranya Sheikh Muhammad Abu Zahrah (1950) yang membincangkan kedudukan hutang si mati di samping hukum wasiat di dalam undang-undang Mesir di dalam penulisannya *Sharh Qanun al-Wasiyyah Dirasah Muqaranah li Masadirihi al-Fiqhiyyah*. Sheikh Ali al-Khafif (2010) pula telah menjelaskan keutamaan mendahulukan hak hutang berbanding dengan wasiat di dalam buku mengenai kajian perbandingan antara hukum wasiat Islam dengan undang-undang wasiat Mesir 1946. Manakala Sulaiman al-Jasir (2013) turut menyentuh tentang keutamaan melunaskan hutang si mati sebelum melaksanakan wasiatnya ketika membahaskan mengenai hukum wasiat di dalam Islam.

Penjelasan mengenai kewajipan menunaikan hak hutang si mati turut mendapat perhatian ulama Nusantara seperti Haji Abdul Kadir bin Haji Ismail (1993) di dalam buku Sistem Pusaka Islam (edisi jawi), di mana beliau telah menerangkan mengenai hak harta peninggalan pada fasal keempat termasuk hak hutang yang perlu dilunaskan oleh waris si mati. Wan Abdul Halim Wan Harun (2006) turut menyentuh dengan ringkas mengenai hak perhutangan si mati ketika mengupas tentang tanggungjawab waris terhadap hak-hak yang berkaitan dengan harta si mati. Beliau turut menyentuh tentang pelaksanaan perbincangan pembahagian pusaka di dalam bukunya termasuk melunaskan hutang si mati dengan ringkas.

Antara kajian ilmiah mengenai hutang sebagai hak-hak harta peninggalan ialah kajian mengenai pengetahuan masyarakat Islam di Pulau Duyong, Terengganu terhadap hak-hak harta peninggalan oleh Mohd Ali Mohd Yusuf (2013) peringkat sarjana di Universiti Sultan Zainal

Abidin, Terengganu (tidak diterbitkan) di mana kedudukan hutang sebagai salah satu hak-hak harta peninggalan telah dijelaskan dengan ringkas di dalam bab konsep hukum. Penulisan ini secara tidak langsung telah menyentuh kedudukan hutang dan hukum berkaitan dengannya di dalam isu pembahagian pusaka. Walaupun begitu, ia tidak mengkaji kaedah pengurusan hutang yang dilaksanakan ketika pembahagian pusaka oleh para waris.

Penulisan-penulisan seperti di atas secara umumnya telah membahaskan isu hutang sebagai hak-hak harta peninggalan dari sudut teori seperti konsep dan hukum, tetapi tidak memberi perhatian kepada praktis seperti kaedah pelaksanaan atau prosedur tuntutan dan pembayaran yang dilaksanakan di Malaysia. Sehubungan dengan itu kajian khusus mengenai pengurusan hutang di dalam pembahagian pusaka masih perlu dilaksanakan untuk meneliti isu ini dengan lebih mendalam bagi tujuan mengenali ruang-ruang penambahbaikan bagi sistem pengurusan pembahagian pusaka di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian dokumentasi iaitu menghimpun dan mengumpul bahan atau dokumen yang berkaitan dengan isu yang dikaji sebagai asas bagi kajian ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kedudukan hutang sebagai salah satu daripada hak-hak harta peninggalan melalui perbincangan para ulama, di samping penelitian akta-akta berkaitan dengan hutang si mati terutama Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97] dan lain-lain. Selain daripada kajian dokumentasi, pendekatan temubual ke atas kakitangan Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu (JKPTG) untuk mengetahui dengan lebih mendalam pernyataan hutang si mati oleh pentadbir pusaka dan waris. Seterusnya pendekatan observersi turut digunakan dengan melakukan pemerhatian ke atas perbincangan tuntutan pembahagian harta pusaka yang dilakukan oleh UPPK, JKPTG Kuala Terengganu. Ia dilaksanakan untuk melihat kaedah inkuiri ke atas pentadbir pusaka dan para waris mengenai kedudukan hutang si mati sebelum pembahagian pusaka kepada waris diputuskan oleh pegawai pusaka UPPK. Data yang diperolehi dianalisis dengan kaedah historik dan induktif.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian awal ke atas pengurusan hutang si mati dalam pembahagian pusaka kecil orang Islam di UPPK, JKPTG, Kuala Terengganu telah mendapati dua perkara untuk diketengahkan sebagai penemuan. Ia diperolehi hasil penelitian ke atas perbincangan para ulama mengenai hukum-hukum berkaitan hutang di dalam penulisan mereka, dan temubual serta pemerhatian ke atas perbincangan di lokasi kajian. Pertama konsep hutang sebagai hak harta peninggalan si mati yang mesti dilaksanakan oleh waris menurut perspektif Islam, dan kedua kaedah pengurusan hutang si mati dalam prosedur tuntutan pembahagian pusaka kecil oleh pentadbir pusaka dan para waris di UPPK, JKPTG Kuala Terengganu. Ia dijelaskan dengan perbincangan berikut:

Hutang di dalam al-Quran

Berdasarkan *al-Mu'jam al-Mufaharas li alfaz al-Quran* iaitu sebuah kamus yang menghimpunkan perkataan di dalam al-Quran mendapati kitab suci ini telah menyebut perkataan hutang atau *dayn* sebanyak 6 kali (Muhamad Fuad Abdul Baqi, 1945), satu kali dengan kata kerja (*Tadayantum* dan selebihnya dengan kata nama di dalam surah al-Baqarah dan surah al-Nisa'.

Menurut Manna' Quttan (1995) ayat hutang di dalam surah al-Baqarah (2: 282) merupakan ayat yang paling panjang diturunkan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran, sebagaimana surah al-Baqarah merupakan surah terpanjang di dalam al-Quran. Perkataan kata kerja (*Tadayantum*) dan katanama (*dayn*) hutang disebut sekali setiap satu yang menerangkan kaedah berhutang di dalam Islam. Ayat 2: 282 ini dimulakan dengan suruhan supaya orang yang berhutang menulis hutang mereka. al-Imam al-Tabari (1994) telah menukilkan di dalam kitab tafsirnya perselisihan pendapat para ulama mengenai suruhan menulis hutang di dalam ayat ini, adakah ianya bermaksud wajib atau sekadar sunat? Menurut Muhamad Amin al-Syanqiti (t.th) zahirnya suruhan Allah S.W.T untuk menulis hutang adalah wajib tetapi terdapat petunjuk yang menjelaskan hukum menulis hutang hanyalah sunat.

Walau apa pun maksud daripada suruhan tersebut, perintah ini merupakan satu simbolik agar umat Islam mengambil perhatian berat terhadap penyediaan dokumen hutang untuk menjadi bahan bukti ketika berurusan semasa hidup. Bukti ini lebih diperlukan selepas kematian agar tanggungan ini dapat diselesaikan oleh waris si mati tanpa ada masalah berbangkit. Ia secara tidak langsung membuktikan kedudukan hak hutang si mati yang sangat penting di dalam syariat Islam untuk ditunaikan daripada harta peninggalannya. Ini kerana walaupun ayat ini menjelaskan kaedah berhutang, namun praktis meninggalkan bukti secara bertulis, atau barang gadaian mahupun saksi bagi hutang tersebut mempunyai tujuan supaya tanggungan hutang si mati dapat diuruskan dengan sempurna selepas kematian.

Seterusnya baki perkataan hutang (*dayn*) diulang oleh Allah S.W.T. di dalam surah an-Nisa' (4: 11-12). Ayat-ayat ini dikenali sebagai sumber kepada hukum pusaka Islam (*faraid*) atau ayat-ayat pusaka kerana ia menerangkan dengan jelas sistem pusaka Islam dan kadar-kadar perwarisan setiap ahli waris. Perkataan hutang disebut di samping wasiat dan kadar pusaka waris untuk menunjukkan kedudukan hutang sebagai salah satu daripada hak-hak harta peninggalan. Pengulangan perkataan hutang sebanyak empat kali pula menjelaskan betapa pentingnya para waris mengambil perhatian terhadap pengurusan hutang si mati. Ayat-ayat ini dimulai dengan menyebut hak waris, hak wasiat dan diakhiri hak hutang si mati seperti firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Maksudnya: Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu peroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya (an-Nisa' 4: 12)

Walaupun begitu, dari sudut perlaksanaan hak hutang lebih didahulukan berbanding hak wasiat dan pusaka sebagaimana yang dipersetujui oleh majoriti ulama mazhab Shafie (Mustafa Khin et.al, 1992). Malah para ulama Islam dari dahulu hingga sekarang telah bersepakat mendahulukan hak hutang si mati berbanding dengan hak wasiat (Ibn. Kathir, 1988) berdalilkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada ^cAli bin Abi Talib r.a telah berkata: Sesungguhnya nabi Muhammad s.a.w telah memutuskan bahawa membayar

hutang itu mendahului wasiat, tetapi kamu (umat baginda s.a.w) membaca (ayat al-Qur'an) bahawa menunaikan wasiat itu sebelum membayar hutang (al-Tirmidhi, 1937, 2122)

Hadis di atas menjelaskan betapa hak hutang si mati perlu diuruskan oleh waris sebelum menguruskan hak-hak yang lain daripada hak harta peninggalan. Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab para waris untuk mengambil perhatian terhadap hutang si mati dan tidak boleh bersikap sambil lewa apatah lagi cuba merahsiakannya daripada pengetahuan penguasa atau pentadbir yang diberi tanggungjawab membahagikan pusaka.

Kesimpulannya, ayat-ayat al-Quran telah menyebut mengenai konsep asas hutang dalam perundangan Islam. Oleh kerana menuntut hutang berkaitan dengan konsep menjaga harta daripada luput, iaitu salah satu *Maqasid Syar'iyah Daruriyyah* (Mohammad Hashim Kamali, 2009) justeru itu hutang telah dijadikan sebagai hak tanggungan ke atas si mati yang wajib dibayar dari harta peninggalannya. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan dan tanggungjawab waris untuk menguruskan hutang si mati dengan sebaik-baiknya. Kegagalan melaksanakan hak ini akan memberi kesan langsung ke atas si mati kerana tanggungan (*al-zimmah*) ke atas dirinya yang masih tergantung. Seterusnya turut mempengaruhi kelancaran urusan pembahagian pusaka kepada para waris jika terdapat tuntutan ke atas hutang si mati semasa pembahagian atau lebih buruk lagi tuntutan dibuat setelah selesai pembahagian.

Kedudukan Hutang Sebagai Hak Harta Peninggalan

Syariat Islam diturunkan untuk memberi keadilan kepada semua manusia, termasuk dalam soal pemilikan harta. Oleh kerana itu, Islam sangat menghormati pemilikan peribadi yang diperolehi dengan cara yang halal. Hak ini dijaga oleh Islam melalui penguatkuasaan undang-undang jenayah ke atas pencuri, peragut atau perompak. Demikian juga jika harta ini diberi pinjam kepada pihak lain, perundangan Islam telah menetapkan kaedah yang adil agar harta ini dikembalikan kepada pemiliknya walaupun pemiutang atau penghutang telah meninggal dunia. Apabila seseorang meninggal dunia, maka waris si mati dipertanggungjawabkan untuk mengurus hutang-hutang si mati. Seperti yang telah dijelaskan, hutang si mati adalah hak yang perlu dilunaskan sebelum harta pusaka dibahagikan kepada waris. Para ulama telah membahagikan hak ini kepada dua jenis iaitu hutang ke atas harta (*al-huquq al-muta'alliqah bi aini al-Tarikah*) dan hutang mutlak si mati (*duyun al-mutlaqah fi zimmah al-mayyit*).

Hak Hutang (Tanggungan) ke atas Harta

Harta yang boleh dipusakai oleh waris ialah harta sempurna milik kepada si mati yang diperolehi semasa hidup. Oleh yang demikian, harta si mati yang masih terikat dengan hak orang lain walaupun zahirnya adalah milik si mati tidak boleh dijadikan pusaka sehingga hak tersebut diselesaikan terlebih dahulu. Ini yang dimaksudkan sebagai hak hutang ke atas harta si mati. Sebagai contoh harta gadaian atau harta yang disita berada dalam keadaan tergantung selagi waris gagal menyelesaikan hutang gadaian ini atau gagal membayar denda. Ia mengakibatkan harta tersebut tidak dapat dibahagikan kepada para waris. Mereka akan mengalami kerugian sekiranya nilai semasa aset berkenaan melebihi jumlah nilai gadaian atau denda yang perlu dibayar.

Antara contoh yang lain bagi hak ini dalam situasi semasa ialah bayaran caruman takaful sebagai syarat memperoleh manfaat, menjelaskan baki hutang bagi harta atau aset yang digadaikan kepada institusi kewangan semasa membeli atau sewa beli, membayar ganti rugi untuk mendapatkan semula wang deposit si mati dan lain-lain. Menurut Mustafa Khin et. al. (1992) jika barang belian oleh seseorang yang belum dibayar harganya (kemudian ia mati), maka penjual lebih berhak mendapat bayaran tersebut daripada harta si mati berbanding menguruskan jenazah si mati.

Berdasarkan kepada kepentingannya, para ulama telah menetapkan hak hutang ke atas harta sebagai hak pertama yang wajib dilunaskan oleh para waris (Salih Fawzan²⁰⁰⁵). Muhammad Mustafa Shalabi⁽¹⁹⁶⁷⁾ pula menukulkan pendapat sebahagian ulama daripada mazhab Hanafi bahawa harta ini tidak dianggap sebagai harta peninggalan si mati atau *'tarikah al-mayyit'*. Hak ini perlu dilunaskan lebih awal seperti tuntutan ke atas harta syarikat, harta sepercarian, harta hibah dan sebagainya. Setelah selesai baharulah harta itu dibahagikan kepada waris sebagai harta peninggalan si mati. Ia bersesuaian dengan maksud dan konsep harta peninggalan oleh mazhab Hanafi iaitu suatu harta yang ditinggalkan oleh si mati yang telah bersih dan tidak terikat dengan hak-hak orang lain (Ibn^cAbidin, Muhammad Amin, 1966).

Hutang Mutlak Si Mati

Hutang mutlak si mati ialah hak perhutangan yang ditanggung (*zimmah*) oleh si mati terhadap orang lain. al-Sabuni, (1989) telah membezakan dua bentuk hutang ini sebagai *Dayn al-Syakhsi* iaitu hutang berkaitan manusia dan *Dayn al-^cAini* iaitu hutang berkaitan (fizikal) harta. Oleh itu hak ini meliputi apa jua tanggungan hutang yang dipikul oleh si mati (manusia) tanpa melibatkan cagaran atau deposit (harta). Para ulama telah membahagikan hutang mutlak (*Dayn al-Syakhsi*) ini kepada dua jenis iaitu hutang sesama manusia dan hutang kepada Allah S.W.T. Hutang kepada manusia seperti pinjaman yang dilakukan tanpa cagaran sebagaimana yang dijelaskan di atas, bayaran upah kepada pekerja, bayaran sewa, hutang mas kahwin kepada isteri, bayaran *diyah* iaitu denda kerana jenayah yang dilakukan terhadap orang lain dan sebagainya. Manakala hutang kepada Allah S.W.T seperti melaksanakan ibadat zakat, haji, *fidyah*, *nazar*, *kaffarah* dan lain-lain. Para waris si mati dipertanggungjawabkan untuk melunaskan hutang ini dari harta peninggalan si mati sekiranya ia meninggalkan hutang-hutang tersebut.

Sekiranya harta peninggalan si mati tidak cukup untuk melunaskan kesemua hutang kepada manusia dan hutang kepada Allah S.W.T., menurut mazhab Shafi'e hak hutang kepada Allah lebih didahulukan berbanding hutang sesama manusia (Muhammad bin Abi al-Abbas al-Misri, 1967). Penelitian ke atas amalan dan budaya setempat menunjukkan masyarakat melayu cenderung untuk melaksanakan upah haji untuk si mati (badal haji) dan kafarah puasa. Walau bagaimanapun melalui temubual yang dilaksanakan ke atas waris, mendapati mereka masih mendahulukan hutang kepada manusia di dalam melaksanakan hak ini.

Pentadbiran Hutang dalam Pembahagian Pusaka Kecil Orang Islam

Sebelum membincangkan mengenai pentadbiran hutang dalam pembahagian pusaka kecil orang Islam, terlebih dahulu dinyatakan punca kuasa bagi undang-undang pusaka di Malaysia.

Sumber perundangan di Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan. Menurut Jasni Sulong (2011) dalam perkara berhubung pusaka, Perlembagaan Persekutuan membahagikan bidang kuasa pentadbiran kepada dua, iaitu bidang kuasa persekutuan dan negeri.

Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia khususnya berhubung dengan probet dan kuasa/surat mentadbir pusaka terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 4(e)(1) Senarai 1, Jadual Kesembilan yang memperuntukkan Undang-Undang berkaitan pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat adalah terletak di bawah senarai Persekutuan. Agensi yang terlibat dengan bidang kuasa ini dan undang-undang yang di gubal ialah:

1. Mahkamah Tinggi diberi kuasa untuk membicarakan Harta Pusaka Besar, iaitu harta pusaka yang nilainya melebihi RM 5 juta (pindaan 2021) atau harta berwasiat walaupun nilainya kurang daripada RM 5 juta berdasarkan Akta Probate & Pentadbiran 1960 dan Akta Wasiat 1959.
2. Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) JKPTG membicarakan Harta Pusaka Kecil, iaitu harta pusaka yang tidak melebihi RM 5 juta dan si mati memiliki tanah sahaja (Harta Tak Alih) atau tanah dan harta Alih yang lain. Bidang kuasa yang diberikan berdasarkan kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (pindaan) 2021 [Akta 98] dan Peraturan Harta Pusaka Kecil 1955. Bagi bukan Islam mereka hendaklah tidak mempunyai wasiat mengikut Akta Wasiat 1959.
3. Amanah Raya Berhad bertanggungjawab mengendalikan pusaka ringkas iaitu si mati hanya meninggalkan harta alih sahaja seperti wang tunai, saham, akaun simpanan bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans, peralatan rumah, kenderaan, senjata api, barang kemas, ASB dan sebagainya dan nilainya tidak melebihi RM 600,000.00 berpandukan kepada Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532].

Manakala bidang kuasa negeri pula disentuh dalam Senarai 1, Jadual Kesembilan perenggan (i) yang menyebut ‘.. tidak termasuk undang-undang diri orang Islam’, di mana takrifan undang-undang diri orang Islam ini ialah hukum syarak yang merupakan bidang kuasa negeri seperti Senarai 2, Jadual Kesembilan. Oleh kerana hukum faraid adalah hukum syarak bagi orang Islam, maka Mahkamah Syariah telah diberi peranan menentukan kedudukan waris dan bahagiannya dengan mengeluarkan perakuan sijil faraid. Ini berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri atau Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]. Di samping itu, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam hal berkaitan dengan wasiat, hibah, wakaf, sah taraf anak, perkahwinan, harta sepencarian dan nasab orang Islam yang semua ini mempunyai kaitan rapat bahkan keputusan Mahkamah Syariah berkaitan dengan perkara-perkara di atas mempengaruhi pembahagian harta pusaka.

Dari perbincangan di atas dirumuskan bahawa Harta Pusaka Kecil ialah harta yang ditinggalkan oleh si mati terdiri daripada harta tak alih (tanah/rumah) atau gabungan antara harta tak alih dengan harta alih dengan jumlah nilai harta tersebut tidak melebihi RM2 juta serta tidak meninggalkan wasiat (di bawah Akta Wasiat 1959 [Akta 346]). Seksyen 3(3) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 iaitu Akta 98 mentakrifkan harta pusaka kecil seperti berikut: Bagi

maksud Akta ini suatu harta pusaka kecil diertinya suatu harta pusaka si mati yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian harta tak alih yang terletak dalam mana-mana negeri dan tidak melebihi dua juta ringgit dalam nilai total.

Tuntutan pembahagian pusaka kecil dibuat berdasarkan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dan Peraturan Harta Pusaka Kecil 1955 di pejabat Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK), JKPTG di mana terletaknya harta tak alih si mati dengan mengisi Borang 'A' (seksyen 8). Pemohon yang layak membuat tuntutan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8 [Akta 98] iaitu waris kadim, pemiutang, pembeli, Penghulu atau Pegawai Penempatan, Amanah Raya Berhad dan Baitulmal (jika si mati tiada meninggalkan waris).

Dari sudut pengurusan hutang si mati semasa tuntutan pembahagian, maklumat hutang diperolehi melalui dua kaedah. Pertama melalui pengisytiharan hutang yang dibuat oleh pihak pemohon di dalam Borang 'A' [Peraturan 3 (1)] (seksyen 8). Di mana pemohon hendaklah mengisytiharkan hutang si mati dengan mengisi perkara 5 iaitu si mati pada tarikh kematiannya berhutang seperti berikut; dengan menyatakan jenis hutang, amaun (jumlah) dan nama & alamat pemiutang. Kedua semasa proses perbincangan, kerana siasatan perbincangan perlu dilaksanakan oleh pentadbir tanah (pegawai pembicara) untuk mengetahui dengan jelas dan terperinci kedudukan waris-waris, harta yang ditinggalkan, liabiliti-liabiliti yang dituntut dari harta si mati, wasiat, dan kadar pusaka yang dipersetujui oleh waris sama ada dengan kadar faraid atau mengikut persetujuan bersama, *sulh* dan *takharuj*. Dalam hal ini Seksyen 12 (7) [Akta 98] menyatakan: Pentadbir Tanah hendaklah menentukan, dalam cara yang paling sesuai, undang-undang yang terpakai kepada penurunan harta pusaka si mati, dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer dan kepentingan masing-masing.

Penyiasatan tuntutan ke atas harta si mati bagi tujuan melaksanakan hak-hak si mati termasuk pembayaran hutang piutangnya dijelaskan lagi di bawah Seksyen 13 (1) [Akta 98] yang menyatakan: Di akhir perbincangan Pentadbir Tanah hendaklah melalui perintahnya membuat peruntukkan bagi pembayaran daripada harta pusaka bagi duti estet, jika ada, dan perbelanjaan pengebumian dan hutang-hutang si mati sekiranya berbangkit...

Kesimpulannya Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] telah memperuntukkan undang-undang yang jelas bagi tujuan mengurus hutang-piutang si mati agar mampu dilunaskan oleh waris sewaktu sesi perbincangan pembahagian. Selain dari peruntukan akta, isu-isu berbangkit yang perlu ditangani bagi pengurusan hak hutang si mati ialah kaedah mendapat maklumat mengenai hutang yang ditinggalkan. Ini kerana waris tidak mungkin akan mengisytiharkan hutang semasa membuat tuntutan pembahagian pusaka jika si mati tidak memaklumkan mengenai hutangnya. Isu kedua ialah berkaitan dengan penguatkuasaan ke atas waris yang ingkar mengisytiharkan hutang dengan pelbagai alasan. Jika tidak ditangani ia boleh mengakibatkan perselisihan yang mampu menggugat keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat. Di samping, ia juga mampu menjadi punca kepada kelewatan perbincangan yang menyebabkan harta si mati tidak dapat dimanfaatkan oleh para waris.

Kesimpulan

Keseluruhan perbincangan di dalam penulisan ini boleh disimpulkan bahawa dasar agama Islam ialah untuk memberi keadilan kepada semua manusia tanpa mengecualikan mana-mana golongan. Ia terzhahir melalui pensyariatian pusaka di dalam al-Quran yang tidak bertujuan untuk memindahkan harta si mati kepada warisnya sahaja, tetapi turut memberi perhatian kepada hak si mati terhadap harta yang ditinggalkan seperti menguruskan jenazahnya, tanggungan liabilitinya iaitu hutang-piutang yang ditinggalkan dan melaksanakan wasiatnya.

Masyarakat Islam di Malaysia perlu memberi perhatian kepada pengurusan hutang si mati semasa proses tuntutan pembahagian pusaka kecil di UPPK, JKPTG. Akta 98 yang digubal telah memperuntukkan undang-undang yang jelas mengenai kepentingan mengisytiharkan hutang piutang si mati oleh pemohon. Ia bertujuan bagi melaksanakan hak si mati iaitu dengan membayar kembali tanggungannya ke atas orang lain. Justeru itu, waris hendaklah berusaha untuk menyiasat kedudukan hutang si mati dan tidak menyembunyikannya bagi melicinkan proses pembahagian pusaka semasa berlaku perbicaraan oleh Pentadbir Tanah. Walaupun Akta 98 dilihat telah mampu menangani isu pengurusan hutang si mati di dalam pembahagian pusaka kecil orang Islam, namun penambahbaikan masih boleh dibuat dari sudut penguatkuasaan ke atas pengisytiharan mengenai hutang si mati iaitu dengan mengenakan denda ke atas waris/pemohon jika gagal mengemukakan maklumat yang sah berkaitan dengan hutang si mati.

Penghargaan

Kertas ini dihasilkan melalui penyelidikan yang menggunakan Dana Penyelidikan Universiti Sultan Zainal Abidin (DPU) : UniSZA/2015/DPU/61.

Rujukan

- ‘Abd al-Baqi, Muhamad Fuad. (1945). *al-Mu‘jam al-Mufaharas li alfaz al-Quran al-Kareem*, Cairo: Matba‘ah Dar al-Hadith al-Misriyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad ibn Ahmad. (1950). *Sharh Qanun al-Wasiyyah Dirasah Muqaranah li Masadirih al-Fiqhiyyah*. (2nd ed.). Cairo: Maktabah al-Anjalo al-Misriyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad ibn Ahmad. (1963). *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. (2nd ed.). Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabiy.
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532]
- Akta Probate & Pentadbiran 1960
- Akta Wasiat 1959 [Akta 346]
- David Greaber. (2011). *Debt: The First 5000 years*, Brooklyn, New York: MelvilleHouse.
- al-Fawzan, Salih Fawzan. (2005). *A Summary of Islamic Jurisprudence*, (1st. ed.). Riyadh: al-Maiman Publishing House.
- Ibn al-Qattan, Abu al-Hasan. (2004). *al-Iqna‘ fi Masa’il al-Ijma‘*. (1st. ed.). Cairo: Dar al-Faruq al-Hadithah.

- Ibn Hajar al-‘Asqalani. Ahmad ibn ‘Ali. (1986). *Fathu al-Bari Ma‘a Sahih al-Bukhari*. Cairo: Dar al-Rayyan Li Turath.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma‘il ibn ‘Umar. (1988). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. (1st ed.). Cairo: Dar al-Hadith.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman. (t.th). *Mukaddimah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar al-Fikr, hlm.451.
- Ibn ‘Abidin Muhammad Amin. 1966 Cet.2, *Hashiyyah Rad al-Muhtar*, Mekah al-Mukarramah, al-Maktabah al-Tijariah.
- Ikbal Salam. (2009). “Waspada ketika berwasiat”, *Utusan Online*, 22 September 2009, in <http://ww1.utusan.com.my/>.
- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Islam*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jun Dasima Zainal Abidin. (2007). “Wasiat Hanya Sesuai untuk Bukan Islam”, *Berita Harian*, 15 Februari 2007, p.12.
- Kasimah Kamaruddin & Md. Yazid Ahmad. (2012). “Analisis Kefahaman Penulisan Wasiat Orang Islam Negeri Melaka” dalam *Jurnal Islamiyyat*, 34(2012), pp. 71 – 82.
- al-Khafif, ‘Ali. (2010). *Ahkam al-Wasiyyah Buhuth Muqaranah Tadammant Sharh Qanun al-Wasiyyah 71 li Sanah 1946*. (1st ed.). Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- al-Khin, Mustafa et. al. (1992). *al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab Imam al-Shafi‘e*. (3rd ed.). Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Misri, Muhammad bin Abi al-Abbas. 1967, *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*, Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Baabi al-Hallabi.
- Mohammad Hashim Kamali. (2009). *Principles of Islamic Jurisprudence*. Subang Jaya, Selangor: Ilmiah Publishers.
- Mohd Ali bin Mohd Yusuf. (2013). *Pengetahuan Masyarakat Islam di Pulau Duyong, Terengganu Terhadap Hak-Hak Harta Peninggalan*, untuk Tesis Sarjana Syariah (tidak diterbitkan), Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Zamro Muda. (2008). “Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia” Kertas Kerja *Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008*, anjuran JAKIM, 7 Ogos 2008.
- Mustafa. Ibrahim et.al. (1972). *al-Mu‘jam al-Wasit*. Istanbul, Turkey: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Naisaburi, Abu al-Hassan ‘Ali ibn Ahmad al-Wahidi. (1987). *Asbab al-Nuzul*. (3rd ed.). Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- al-Nasafi, Najmuddin ibn Hafs. (1986). *Talbah al-Talibah fi al-Istilahat al-Fiqhiyyah*. (1st ed.). Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya ibn. Sharf. (1987). *Sahih Muslim bi Sharhi al-Nawawi*. Cairo: Dar al-Rayyan Li Turath.
- Naziree bin Md. Yusof. (2008). “Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam” dalam *Jurnal Muamalat Bil.1/2008* pp. 73 – 102.
- al-Qaradawi, Yusof. (1981). “Awamil al-Si‘ah wa al-Murunah fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah” dalam, t.p. *Wujub Tatbiq al-Syari‘ah al-Islamiyyah*, Riyadh: Jami‘ah al-Imam Muhammad ibn Sa‘ud al-Islamiyyah, pp.67 – 140.
- al-Qattan, Manna‘ Khalil. (1995). *Mabahith fi ‘Ulum al-Quran*. Cairo: Maktabah Wahbah.

- Riyad, Muhammad. (2014). *Ahkam al-Mawarith Baina al-Nazari al-Fiqhiy wa al-Tatbiq al-‘Ilmiy Wifqu Mudawwanah al-Usrah al-Jadidah*, (1st ed.). Cairo: DarAlkalema.
- Sabiq, As-Sayyid. (1987). *Fiqh al-Sunnah*. (8th ed.). Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabiy.
- al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. (1988). *Qobasun min Nur al-Quran al-Karim*, (2nd ed.).Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. (1989). *al-Mawarith fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah ‘ala Dau’ie al-Kitab wa al-Sunnah*, Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Sa‘di, ‘Abdul Rahman ibn Nasir. (1398H/1978). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Mekah al-Mukarramah: Muassasah Mekah li al-Taba‘ah wa al-I‘lam.
- al-San‘ani, Muhammad ibn. Isma‘il. (1988). *Subul al-Salam*. (1st ed.). Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sayuti, Jalal al-Din Abu al-Fadhl ‘Abd al-Rahman ibn Abu Bakar. (1967). *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*. Saudi Arabia: Wizarah al-Shu‘un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da‘wah wa al-Irshad.
- Senarai undang-undang diluluskan di parlimen Malaysia pada tahun 2021. <https://www.parlimen.gov.my/bills-dewan-rakyat.html?uweb=dr&> download 18 Jan 2022 10:51am.
- al-Shalabi, Muhammad Mustafa. (1967). *Ahkam al-Mawarith Bayna al-Fiqh Wa al-Qanun*. Alexandria, Egypt: al-Maktabah al-Misri al-Hadith.
- al-Shanqiti, Muhamad Amin. (t.th). *Adwa’ al-Bayan fi Iydoh al-Quran bi al-Quran*. Jeddah: Majma’ al-Fiqh al-Islami
- al-Tabari, Abu Ja‘afar Muhammad ibn Jarir. (1994). *Jami‘ al-Bayan ‘an Ta‘wil Ayi al-Ahkam wa Huwa Tafsir al-Tabari*. (1st ed.).Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad ibn. ‘Isa. (1937). *al-Jami‘ al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidhi*. (1st ed.).Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.